

Siaran Akhbar

Ekonomi ASEAN+3 Tetap Berdaya Tahan, Tumbuh 5.2 Peratus disamping Ketidakpastian Global

Ekonomi serantau harus mengutamakan kestabilan kewangan sambil menjana pertumbuhan

YOKOHAMA, JEPUN, May 4, 2017 – Rantau ASEAN+3 dijangka tumbuh 5.2 peratus pada tahun 2017 dengan inflasi terkawal, disamping ketidakpastian dalam ekonomi global, menurut laporan yang diterbitkan oleh ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO).

ASEAN+3 Regional Economic Outlook (AREO) 2017 adalah penerbitan tahunan AMRO yang menilai prospek ekonomi dan kestabilan kewangan di 10 negara ASEAN, China (termasuk Hong Kong), Jepun dan Korea. Dalam edisi pertama ini, laporan ini juga mengandungi kajian tematik mengenai ekonomi serantau 20 tahun selepas Krisis Kewangan Asia (AFC).

Menurut laporan tersebut, pertumbuhan dua ekonomi terbesar di rantau, iaitu China dan Jepun, kekal stabil dan kukuh, dan akan mendorong pertumbuhan yang berasaskan di rantau ini. Pasaran baru muncul “*emerging markets*” serantau seperti Korea, ASEAN-5 (Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand) dan Vietnam tetap berdaya tahan disamping ketidakpastian di pasaran kewangan global, sementara negara-negara ASEAN yang masih membangun seperti Cambodia, Lao PDR dan Myanmar terus tumbuh dan meraih manfaat dari integrasi serantau.

“Adalah menggalakkan untuk melihat ekonomi ASEAN+3 berdaya tahan menjelang tahun 2017,” kata Dr. Hoe Ee Khor, Ketua Ekonomi AMRO. “Dalam persekitaran global pada masa ini, ekonomi serantau patut mengutamakan kestabilan kewangan sambil menjana pertumbuhan dengan menggunakan pelbagai dasar yang bersesuaian, termasuk dasar *macroprudential* dan reform struktur.”

Laporan ini memberikan analisis mengenai momentum dan risiko pertumbuhan ekonomi serantau bagi tahun 2017. Pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan domestik dimana ekonomi-ekonomi diharapkan boleh meraih manfaat dari perdagangan serantau dan integrasi pelaburan. Walaubagaimanapun, prospek ekonomi masih dibayangi ketidakpastian ekonomi global, termasuk *trade protectionism* yang meningkat, kondisi kewangan global yang ketat dan kenaikan inflasi. Berbanding dengan tahun 2016, ruang bagi penggubalan dasar monetari dan fiskal semakin mengurang. Meskipun penampang rizab pertukaran asing masih besar, risiko aliran model keluar dari rantau ini adalah tinggi disebabkan ketidakpastian dasar global.

Selain daripada prospek ekonomi serantau, laporan ini juga mencatatkan pengajaran dari

tempoh 20 tahun selepas kejadian AFC. AFC adalah peristiwa yang penting bagi ekonomi ASEAN+3 dimana ianya telah membentuk asas-asas dan trajektori pertumbuhan ekonomi dan integrasi serantau, serta perspektif penggubal dasar mengenai pengurusan dan penyelesaian krisis. Khususnya, AFC telah menekankan kepentingan bagi ahli-ahli ASEAN+3 untuk bersatu bagi mengadakan *regional safety net* dan meningkatkan pemantauan ekonomi ke tahap yang lebih mantap.

Selepas dua puluh tahun, peristiwa AFC terus menghulurkan pengajaran bagi penggubal dasar untuk menjamin ketabilan ekonomi dan kewangan.

Dalam dekad pertama selepas kejutan AFC, pelaburan swasta dan aliran masuk modal bagi negara-negara yang dilanda krisis tersebut mengurang secara mengejut. Seterusnya, untuk membina balik penampang dan asas untuk pertumbuhan ekonomi, ekonomi-ekonomi tergендala terpaksa membuat pengubahsuaian kepada dasar yang sukar, tapi diperlukan. Ini termasuk dasar penukaran matawang asing yang lebih fleksibel, pengukuhan posisi fiskal dan reform bagi sektor-sektor kewangan dan korporat.

Penyesuaian dasar dan reform telah membantu untuk meningkatkan asas ekonomi dan membolehkan rantau ini menghadapi Krisis Kewangan Global (GFC). Selain daripada itu, keterbukaan ekonomi kepada perdagangan, pelaburan luar (FDI) dan aliran modal, ekonomi ASEAN+3 terus dapat meraih manfaat dari integrasi serantau dan perkembangan peranan negeri China dalam pembentukan *global value chain* di rantau ini. Aliran kewangan di rantau ini juga semakin meningkat, dengan adanya negeri Jepun meneruskan peranannya sebagai pemberi pinjaman dan pelabur utama di rantau ASEAN+3. Rantau ini juga mengambil kesempatan dari aliran masuk modal selepas GFC bagi mengimbangkan semula sumber pertumbuhan, daripada didorong oleh eksport kepada permintaan domestik, sambil mengambil langkah untuk mengurangkan impak kepada kestabilan kewangan dengan dasar *macroprudential*.

Kini pada tahun 2017, ekonomi ASEAN+3 dicabar semula dengan peningkatan *trade protectionism* dan keadaan kewangan global yang semakin ketat. Rangka kerja dasar yang responsif harus dibentuk untuk menangani kejutan luar dan *spillover*, menurut cadangan laporan tersebut. Reform struktur juga disyorkan untuk menangani *bottlenecks* yang menghalang pertumbuhan, termasuk membiayai keperluan infrastruktur dan meningkatkan produktiviti pekerja.

“Dengan rangka kerja dasar domestik dan penampang yang kukuh masing-masing dan peningkatan dalam kerjasama dari segi kewangan “*financial cooperation*” serantau, ekonomi ASEAN+3 boleh meningkatkan daya tahan terhadap kejutan ekonomi dan mengekalkan pertumbuhan yang berterusan,” kata Dr. Khor.

--

Mengenai AMRO:

ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) ditubuhkan untuk menyumbang kepada penyeliaan ekonomi dan kestabilan kewangan rantau ASEAN+3 termasuk 10 negara ASEAN, China (termasuk Hong Kong), Jepun dan Korea. AMRO memenuhi mandatnya dengan menjalankan pemantauan makroekonomi, menyokong pelaksanaan sistem kewangan serantau, Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM) dan memberikan bantuan teknikal kepada ahli-ahli.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Huong Lan Vu (Ms.), Public Relations Officer, AMRO

Email: vu.lanhuong@amro-asia.org, Mobile: +65 88763598, DID: +65 63239885

Website: www.amro-asia.org